

BACTROBAN OINTMENT (PHILIPPINES)

Mupirocin (2% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Bactroban
2. Bagaimana Bactroban berfungsi
3. Sebelum mengambil Bactroban
4. Cara menggunakan Bactroban
5. Semasa menggunakan Bactroban
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Bactroban
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Bactroban

Bactroban adalah salap antibakteria topikal yang digunakan untuk mencegah atau merawat jangkitan kulit bakteria seperti jangkitan kulit yang menular dengan melepuh dan berkulit yang dikenali sebagai “impetigo”, kejangkitan folikel rambut yang membentuk jerawat yang mengandungi nanah yang dikenali sebagai “folliculitis” dan bisul berulang yang dikenali sebagai “furunculosis”.

Bagaimana Bactroban berfungsi

Bactroban adalah antibiotik yang dihasilkan melalui penapaian oleh *Pseudomonas fluorescens*. Apabila diserap ke dalam kulit, ia menghalang pembedakan protein bakteria dan menghapuskan bakteria apabila digunakan pada bahagian kulit yang dijangkiti.

Sebelum mengambil Bactroban

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan Bactroban jika anda alah (hipersensitif) kepada mupirosin atau mana-mana bahan kandungan lain Bactroban.

Jika anda rasa anda mungkin alah ataupun mengalami tanda-tanda alahan, jangan gunakan Bactroban sehingga anda merujuk kepada doktor anda.

- Sebelum mula mengambil

Bactroban boleh menyebabkan kerengsaan kulit dan tindak balas alergi. Salap Bactroban tidak sesuai untuk:

- jangkitan mata
- digunakan di dalam hidung
- kulit berhampiran tiub yang dimasukkan ke dalam badan anda untuk penyaluran atau penyingkiran cecair badan (kanula).

Jauhkan salap ini daripada mata. Jika salap terkena mata anda secara tidak sengaja, basuhkan mata anda dengan air bersih yang banyak.

Salap Bactroban mengandungi *polyethylene glycol*, dimana dalam kuantiti besar boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang. Beritahu doktor anda jika anda mempunyai masalah buah pinggang. Elakkan penggunaan Bactroban pada kawasan-kawasan kulit pecah atau rosak, terutamanya jika anda mempunyai masalah dengan buah pinggang anda.

Maklumat keselamatan penggunaan Bactroban untuk wanita hamil adalah terhad. Jika anda hamil, atau anda rasa mungkin hamil atau jika anda merancang untuk hamil, jangan gunakan salap Bactroban tanpa merujuk kepada doktor anda.

Resapan ubat ini ke dalam susu ibu masih tidak diketahui. Beritahu doktor jika anda sedang menyusukan bayi anda.

Jika anda menggunakan Bactroban pada puting merekah, basuh dengan teliti sebelum penyusuan susu ibu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, jika anda telah mengambil mana-mana ubat baru-baru ini, atau mula mengambil sebarang ubat yang baru. Ini termasuk ubat anda membeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Bactroban

- Berapa banyak harus digunakan

Gunakan Bactroban seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Bagaimana untuk menggunakan Bactroban

- Basuhkan tangan anda sebelum dan selepas menggunakan Bactroban.
- Sapukan sedikit salap Bactroban pada kawasan terlibat

dengan sekeping kapas bersih atau pembalut kasa.

- Selepas menggunakan salap, anda boleh menutup kawasan yang dirawat dengan pembalut steril atau pembalut kasa, melainkan doktor memberitahu anda untuk membiarkannya terdedah.

- Jangan campurkan Bactroban dengan losen, krim atau salap lain. Ini boleh mencairkan Bactroban dan menjejaskan rawatan anda.

- Bila perlu digunakan

Anda harus menyapu Bactroban dua atau tiga kali sehari sehingga sepuluh hari, bergantung pada tindak balas

- Berapa lama perlu digunakan

Penggunaan Bactroban untuk tempoh yang disarankan adalah penting. Jangan berhenti awal kerana simptom-simptom anda mungkin lega sebelum jangkitan itu dibasmi sepenuhnya.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan krim anda, sapukan ubat ini sebaik sahaja anda teringat dan sapu dos berikutnya pada waktu biasa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Mengelap salap yang berlebihan dengan berhati-hati. Masalah dos berlebihan dengan ubat ini sangat jarang berlaku.

Jika anda tertelan Bactroban, hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

Semasa menggunakan Bactroban

- Perkara yang perlu dilakukan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini dan gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini telah dipreskripsikan untuk anda. Jangan berikannya kepada pesakit lain. Ia boleh menjejaskan kesihatan mereka, walaupun mereka mempunyai simptom yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan kegunaan Bactroban dan beritahu doctor jika anda mengalami tindak balas alahan (seperti ruam, kesakitan atau pembengkakan) semasa menggunakan krim Bactroban.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Bactroban boleh menyebabkan kesan sampingan, tetapi bukan semua orang mendapat kesan sampingan.

Kesan-kesan yang anda perlu memberi perhatian

Reaksi alahan yang teruk

Kesan ini sangat jarang berlaku untuk orang yang mengambil Bactroban. Tanda-tanda termasuk:

- Ruam kulit yang gatal
- Bengkak, kadang-kadang pada muka atau mulut, menyebabkan kesukaran bernafas
- Penganan atau kehilangan kesedaran

Hubungi doktor dengan segera jika anda mendapat gejala-gejala tersebut. Berhenti menggunakan Bactroban.

Bactroban boleh menyebabkan kerengsaan kulit.

Jika anda mendapat kerengsaan kulit, berhenti menggunakan Bactroban. Lapkan sebarang

salap dan beritahu doktor anda secepat yang mungkin.

Kesan sampingan yang biasa

Ini boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10 orang:

- rasa terbakar pada tempat salap digunakan.

Kesan sampingan yang jarang

Ini boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 100 orang:

- Kegatalan, kemerahan, kepedihan dan/atau kekeringan pada tempat kulit salap digunakan

Kesan sampingan yang sangat jarang

Ini boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 10,000 orang:

- Reaksi alahan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika mana-mana kesan sampingan yang disenaraikan menjadi teruk atau bermasalah, atau jika anda mendapati apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Bactroban

- Penyimpanan

Jauhkan daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak. Jangan simpan Bactroban pada suhu melebihi 25°C (77°F). Jangan gunakan Bactroban selepas tarikh luput ditunjukkan pada pek.

Lupuskan baki Bactroban selepas tempoh rawatan tamat.

- Pelupusan

Ubat ini tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila merujuk kepada ahli farmasi anda tentang cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Bactroban adalah salap berwarna putih, lutut, larut air, dan asas *polyethylene glycol*.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Bactroban mengandungi 20 mg *mupirocin* per gram

- Bahan tidak aktif

Polyethylene glycol

- Nombor MAL

MAL19992362ARZ

Pengilang

SmithKline Beecham
Don Celso Tuason Avenue,
Cainta, Rizal,
Philippines

Pemegang Pendaftaran

Produk

GlaxoSmithKline
Pharmaceutical Sdn. Bhd.
Level 6, Quill 9,
112 Jalan Semangat,
46300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

27/07/2018

Serial Number

NPRA(R4/1)121217/00353